Sidang Penasihat : Gabungan Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Malaysia

Mingguan Didikku Tahap 1

4

PP 8293/4/97 23.3.98

MENGESYAKI ORANG YANG MENCURI

Seorang pemotong kayu kehilangan kapak. Dia pulang ke rumah dengan sedih.

Adik-adik:
Jangan mengesyaki seseorang tanpa bukti.

Diterbitkan oleh Sasmurni Bakti Sdn. Bhd. (203140–K) 42, Jalan 10/34B, Sri Edaran Industrial Park, Kepong, 52100 Kuala Lumpur. Tel : 03-6269471 (4 lines) Fax : 03-6267795, Semenanjung : RM 0.40, Sarawak : RM 0.50, Sabah : RM 0.55

Kartun Yang Boleh Bergerak

Ruangan Sains

Pendidikan Moral

Nilai : Kasih Sayang



Musim dingin telah tiba. Arnab pun keluar mencari makanan. Dia memakan makanan yang dijumpainya dan masih tinggal sebiji pisang. Dia teringat akan kawannya, Rusa dan bimbang Rusa akan lapar. Dia membawa pisang itu ke rumah Rusa tetapi Rusa tiada di rumah. Dia meletakkan pisang itu di atas meja.

Rusa pulang dari mencari makanan. Dia mendapat makanan tambahan dan bercadang untuk memberi sedikit kepada Tikus. Tikus merasa gembira dengan pemberian Rusa tetapi dia juga masih mempunyai makanan lebihan. Dia hendak memberi kepada Kucing. Kucing pula memberikan makanan itu kepada Tupai.

Tupai yang teringatkan kawannya, Arnab, hendak membawa makanan itu kepada Arnab. Arnab yang menerima makanan daripada Tupai berasa gembira kerana kawannya itu sayang kepadanya. Sebenarnya binatang-binatang di dalam hutan sangat bahagia kerana sayang-menyayangi antara satu sama lain. Mereka bekerjasama dan tolong-menolong kerana sayang-menyayangi antara satu sama lain.

Soalan-soalan :

1. Musim apa telah tiba?
   A Luruh B Dingin C Panas D Bunga

2. Arnab memberi Rusa sebiji _____.
   A pisang B butang C epal D durian

3. Mengapakah dia meletakkan pisang itu di atas meja?
   A Kerana meja itu bersih.
   B Kerana meja itu di rumah Rusa.
   C Kerana Arnab telah membawa pisang itu.
   D Kerana Rusa tiada di rumahnya.

4. Mengapa Arnab gembira menerima makanan daripada Tupai?
   A Kerana ia merasa lapar.
   B Kerana dia tamak.
   C Kerana kawannya itu sayang kepadanya.
   D Kerana kawannya itu mempunyai anak yang ramai.

5. Binatang-binatang di dalam hutan bekerjasama dan tolong-menolong kerana _____ anatara satu sama lain.
   A benci-membenci B sayang-menyayangi
   C marah-memarahi D bantu-membantu

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

Bahasa Melayu Tahun 2

A. Padankan perkataan dalam kotak A dengan maknanya dalam kotak B.

A		B
1. pandai	•	• a. jendela window
2. cantik	•	• b. tamat
3. tingkap	•	• c. indah
4. akhir	•	• d. lekas quickly
5. cepat	•	• e. pintar smart

B. Namakan haiwan di bawah.

1.	2.	3.	4.	5.	6.

C. Sambungkan ayat-ayat di bawah dengan menggunakan kata hubung yang diberi.

1. Azman pergi memancing ikan. Ibrahim pergi memancing ikan. (dan)

_____

2. Zuki membeli pensel di kedai buku. Zuki membeli pembaris di kedai buku. (dan)

_____

3. Rosli membaca buku cerita. Rosli mendengar radio. (sambil)

_____

4. Kamu suka minum kopi? Kamu suka minum teh? (atau)

_____

5. Kumar budak yang cerdik. Kumar malas. (tetapi) lazy

_____

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

Jawapan Matematik Tahun 3 3/98
1. A 2. C 3. B 4. D 5. A

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 3 3/98
1. e 2. a 3. h 4. b 5. g 6. f 7. c 8. d

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 2 3/98
1. green 2. brown 3. red 4. yellow 5. blue
6. white 7. purple 8. black

Bahasa Melayu Tahun 3

A. Tuliskan kata akar perkataan-perkataan di bawah.

1. mengejar ⇨ ____
2. pemandu ⇨ ____
3. tersenyum ⇨ ____
4. mengikat ⇨ ____
5. penyapu ⇨ ____
6. tulisan ⇨ ____

B. Isi tempat kosong dengan kata ganda yang sesuai.

orang-orang murid-murid buku-buku
burung-burung biri-biri kura-kura

1.

Pada waktu petang, _____ berterbangan pulang ke sarang.

2.

Amin sedang menyusun _____.

3.

Seekor _____ sedang makan rumput.

4.

_____ dicacakkan di tengah-tengah sawah untuk menakutkan burung.

5. 

_____ beratur semasa menaiki bas sekolah.

6. 

_____ mempunyai kulit yang keras.

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

Jawapan Bahasa Melayu Tahun 2 3/98

A. 1. pasang 2. kuntum 3. utas 4. biji 5. buah 6. bilah

B. 1. Ramli ke sekolah
2. yang mengoyakkan buku itu
3. kamu tinggal
4. kebakaran itu berlaku

C. Diftong : kaloi, tangkai, pantai, pulau, amboi, Julai.
Vokal bergading : duit, bertiup, daun, suara, buat, mengail
Konsonan bergabung : nganga, nyanyi, temasya, negeri, lenyap, mengantuk

PTS (Ujian Aptitud)

Bulatkan jawapan yang betul.

1. _____ bodoh _____ dia juga malas.
   A Bukan.....tetapi
   B Baik.....mahupun
   C Baik.....baik
   D Bukan sahaja.....tetapi

2. nenek — kucing itu — kepada saya — menghadiahkan

   Susunkan ayat di atas dengan betul.
   A Kucing itu menghadiahkan nenek kepada saya.
   B Kepada saya nenek menghadiahkan kucing itu.
   C Nenek menghadiahkan kucing itu kepada saya.
   D Kepada saya menghadiahkan kucing itu nenek.

3.



   Berapakah nilai X?
   A 17 B 19
   C 27 D 35

4. P x Q = 18
   P ÷ Q = 2
   P + Q = 9

   A P = 3, Q = 5
   B P = 4, Q = 4
   C P = 6, Q = 3
   D P = 9, Q = 2

5.



Rajah di atas merupakan model rumah kertas yang terbuka, yang mana berikut merupakan model yang betul?

A 

B 

C 

D 

6. P — Bas
   Q — Kereta
   R — Basikal

   Susunkan mengikut susunan tertib menaik berdasarkan saiz kenderaan di atas.
   A R, Q, P B R, P, Q
   C Q, R, P D Q, P, R

7.

Barang	Harga
seekor ayam	RM 5
sekilogram ikan	RM 8
sepotong kuih	50 sen

Emak membawa sekeping RM 5 dan 4 keping 10 membeli-belah di pasar. Dia telah beli dua ekor ayam, setengah kilogram ikan dan 4 potong kuih. Berapakah wang bakinya?
   A RM 25 B RM 29
   C RM 30 D RM 34

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

English Corner — Vacabulary

dangerous
The cars are moving very fast.
It is **dangerous** to cross here.



dentist
A **dentist** looks after your teeth.

decide
Jamal must choose a toy for his sister.
He must **decide** which toy to buy.

disappear
The sun **disappears** behind the cloud.
We cannot see it any more.



deliver
The postman brings letters to our home.
He **delivers** them everyday.



down
The children are running **down** the stairs.

drink
I **drink** water when I am thirsty.



English Corner — Vacabulary

destroy
A tree fell and **destroyed** the house.
It broke the roof and the walls.



dictionary
Lina looks up many words in the **dictionary**.
It explains what each word means.

dark
It is **dark** outside at night.



daily
This bookshop opens everyday.
It is open from 10 a.m. to 9 p.m. **daily**.

duck
Minah is feeding the **ducks**.

dig
The gardener is going to plant a tree.
He has to **dig** a hole in the ground first.

dinosaur
Dinosaurs are big, wild animals that lived long ago.

Bahasa Inggeris Tahun 2

Shapes

Match the pictures with the words.

1. 
2.
3.
4. 
5. 

a. a round cake

b. a rectangular table

c. a round balloon

d. a square box

e. a square basket

Bahasa Inggeris Tahun 3

Times

Match.

1.	25-12-97	•	a. It is the sixteenth of February, 1993.
2.	1-8-98	•	b. It is the thirty-first of May, 1999.
3.	16-2-93	•	c. It is the twenty-fifth of December, 1997.
4.	30-9-98	•	d. It is the eleventh of July, 1989.
5.	11-7-89	•	e. It is the first of August, 1998.
6.	23-10-90	•	f. It is the thirtieth of September, 1998.
7.	31-5-99	•	g. It is the second of November, 1988.
8.	2-11-88	•	h. It is the twenty-third of October, 1990.

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

Teka Ria

Adik-adik, pengangkutan yang mana satu dapat memuatkan paling ramai penumpang?

A 

B

C

D 

"Teka Ria" Mingguan Didikku Tahap 1 19/97

NAMA PEMENANG

Hadiah Pertama : Nurul Janah
(SRK St. Bernadette's Convent, Batu Gajah, Perak)

Hadiah Ke-2 : Kho Jia Jian
(SRJK (C) Hin Hua, Klang, Selangor)

Hadiah Ke-3 : Muhd Hafiz
(SK Chenderah, Jasin, Melaka)

Hadiah Ke-4 : Leow Shin En
(SRJK (C) Union, P. Pinang)

Hadiah Ke-5 : Mohd Azli
(Sk Kelulut, Marang, Terengganu)

Hadiah Khas

1. Lee Pei Lian
(SRJK (C) Tai Tong, Sandakan, Sabah)

Hadiah Sagu Hati: 500 buah

Perhatian untuk pelanggan melalui pos

Murid-murid yang melanggan melalui pos SILA gunakan KOD SEKOLAH sebagai NO. KAWASAN.

Borang-borang penyertaan pertandingan boleh dikumpulkan oleh pihak sekolah dan dihantar dalam satu sampul surat untuk menjimatkan perbelanjaan pos murid.

Borang Penyertaan Teka Ria

No. Kawasan : _____

Jawapan : _____

Nama : _____ Kelas : _____

Nama Sekolah : _____

Alamat Sekolah : _____

_____ Negeri: _____

Tarikh tutup penyertaan : **13.4.98** Mingguan Didikku Tahap 1 4/98

Jawapan Teka Ria Tahap 1 19/97
Jawapan : D

Jawapan akan diumumkan dalam Mingguan Didikku Tahap 1 12/98



Bayaran secara tunai tidak diterima.

TUNAS SAINS (Majalah menuju Wawasan 2020)

Majalah bulanan terkemas kini yang diterbitkan mengikut sukatan pelajaran sains.

Sesuai untuk murid Tahun **1, 2 & 3** dengan 48 halaman berwarna.

- Terbitan Sasmurni Bakti S/B dengan kerjasama Gabungan Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Malaysia.

Kepada,
Sasmurni Bakti Sdn. Bhd., 42, Jalan 10/34B, Sri Edaran Industrial Park, Kepong, 52100 Kuala Lumpur.

Saya, _____ (nama) ingin melanggan 5 keluaran TUNAS SAINS mulai dari _____ (bulan) 1997.

Alamat : _____ Tel : _____

☐ RM 15 Semenanjung (5 Bilangan) ☐ RM 17 Sabah/Sarawak (5 Bilangan)

Bersama ini saya sertakan cek/money order/wang pos bernombor _____

Jumlah RM _____

Matematik Tahun 2

Bahagi hingga 45 ÷ 5

A. Lengkapkan.

1. 20 ÷ 5 = ◯
2. 36 ÷ 4 = ◯
3. 16 ÷ 2 = ◯
4. 27 ÷ 3 = ◯
5. 45 ÷ 5 = ◯
6. 10 ÷ 2 = ◯
7. 28 ÷ 4 = ◯
8. 18 ÷ 3 = ◯

Jawapan Matematik Tahun 2 3/98
A. 1. 32 2. 21 3. 45 4. 18 5. 35 6. 25 7. 27 8. 0
B. 1. C 2. B 3. C

B. Selesaikan masalah bahagi yang berikut.

1. Sebuah bakul hanya boleh diisi dengan 8 biji telur ayam. Jika Puan Minah mempunyai 40 biji telur ayam, berapa biji bakul yang diperlukannya?
   A 2 B 3
   C 4 D 5

2. 24 buah buku diberi sama banyak kepada 4 orang murid. Berapa buah buku yang akan diperoleh oleh setiap orang murid?
   A 5 B 6
   C 7 D 8

3. Aini ada 30 biji epal. Dia memasukkan epal itu sama banyak ke dalam 5 buah piring. Berapa biji epal yang dapat diisi ke dalam setiap piring?
   A 6 B 7
   C 8 D 9

Jawapan akan diumumkan dalam M. D. 5/98

Matematik Tahun 3

Darab dalam lingkungan 700

Selesaikan masalah-masalah yang berikut.

1. Sebuah botol mengandungi 30 biji gula-gula. Berapa biji gula-gula yang ada dalam 9 buah botol?
   A 240 B 270
   C 320 D 360

2. Cik Lina bekerja selama 8 jam sehari. Berapa jamkah dia bekerja dalam masa 26 hari?
   A 168 B 188
   C 208 D 228

3. Dalam satu kumpulan ada 42 orang pengakap. Ada berapa orang pengakap dalam 9 kumpulan?
   A 368 B 378
   C 388 D 398

Jawapan PTS (Ujian Aptitud) 3/98
1. B 2. C 3. B 4. A 5. C 6. D 7. D

4. Sebuah beg plastik boleh memuatkan 80 biji kacang. Berapa biji kacang yang boleh dimuatkan ke dalam 7 buah beg plastik?
   A 480 B 490
   C 560 D 640

5. Rosli ada 6 buah rak buku. Di dalam setiap rak ada 76 buah buku. Cari jumlah buku yang dimiliki oleh Rosli.
   A 426 B 436
   C 446 D 456

6. Seekor kumbang ada 6 batang kaki. Cari jumlah kaki yang dimiliki oleh 82 ekor kumbang.
   A 462 B 472
   C 482 D 492



Jawapan Bahasa Melayu Tahun 3 3/98
A. 1. jikalau 2. sambil 3. oleh itu
   4. Sungguhpun 5. dan
B. Ayat penyata : b, e
   Ayat seruan : c. f
   Ayat tanya : a, d

Contoh Karangan PTS

Setiap tahun sekolah kamu mengadakan hari sukan. Berdasarkan gambar bersiri di bawah, tulis sebuah karangan mengenainya.



HARI SUKAN DI SEKOLAH SAYA

Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan hari sukan. Dalam sukan itu, peserta-peserta telah dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu rumah merah, rumah kuning, rumah biru dan rumah hijau.

Temasya sukan dimulakan dengan upacara perarakan mengelilingi padang sekolah yang dihiasi dengan bendera yang berwarna-warni. Selepas itu guru besar memberi ucapan dan merasmikan sukan itu.

Antara acara-acara yang dipertandingkan termasuklah lumba lari, lompat tinggi, lompat jauh, tarik tali, dan sebagainya. Murid-murid dan penonton-penonton bersorak dan bertepuk tangan memberi sokongan kepada para peserta.

Sukan itu diakhiri dengan upacara penyampaian hadiah oleh guru besar. Semua peserta yang berjaya diberi hadiah. Rumah biru telah muncul sebagai johan dalam sukan itu.

Ruangan Karya Pembaca

Buah-buahan Tempatan

Negara kita mempunyai berbagai-bagai jenis buah-buahan tempatan. Antaranya ialah buah jambu, rambutan, durian, manggis, langsat, duku, dan sebagainya.

Negara kita sangat kaya dengan buah-buahan tersebut kerana cuaca negara kita panas dan sentiasa hujan. Buah-buahan tempatan terbahagi kepada jenis bermusim dan tidak bermusim.

Durian dan rambutan merupakan buah-buahan jenis bermusim kerana tidak boleh didapati sepanjang tahun. Buah nanas dan pisang boleh didapati sepanjang tahun.

Buah-buahan tempatan berkhasiat dan baik pada kesihatan kita. Selain itu, buah-buahan tempatan juga senang didapati dan harganya murah.

Buah-buah tempatan ini juga dieksport ke luar negara dan juga mendapat sambutan yang baik di luar negara.

Kita memang bertuah di negara ini kerana dapat memakan buah-buahan tempatan yang enak.

Ang Yin Yee
SRJK (C) Choong Hua
S17, Jalan Morib,
42700 Banting,
Selangor.

Kebanjiran

Satu banjir berlaku di Kampung Meloh. Banjir itu berlaku kira-kira pada pukul sebelas malam.

Hujan turun dengan lebat dan tidak berhenti-henti sepanjang hari. Air naik dan air sungai melimpah di jalan raya. Penduduk Kampung Meloh telah memindah ke rumah kawan atau saudara-mara mereka.

Banyak ternakan dan tumbuhan sudah mati dihanyutkan oleh arus air. Rumah-rumah penduduk kampung itu dilimpahi air dan lumpur. Nasib baiknya tidak ada orang yang mati lemas.

Dua hari kemudian, air telah surut dan penduduk Kampung Meloh pulang ke rumah masing-masing untuk membersihkan rumah mereka yang penuh dengan lumpur.

Ida Ng (3H)
SRJK (C) Jalan Davidson
18, Jalan 2/7D,
Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves,
Selangor.

Berkelah di tepi pantai Port Dickson

Pada hari Sabtu yang lepas, saya dan rakan-rakan bercadang hendak pergi berkelah di tepi pantai Port Dickson. Kami pergi ke sana dengan menaiki bas ekspres. Sebelum pergi, kami sudah meminta izin dari keluarga.

Kami sampai di sana pada pukul 11.00 pagi. Saya dan rakan-rakan membentang tikar dan mengemaskan barang. Selepas itu, kami terus mandi di tepi pantai yang indah itu.

Selepas itu pula, saya dan rakan-rakan menjamu selera dengan makanan yang kami bawa tadi. Angin bertiup dengan nyamannya. Kami pulang ke rumah pada pukul 4.00 petang dengan gembira.



Nurul Ezzuna bt Abd Shkor
Sekolah Kebangsaan Datuk
Wan Idris, Kampung Tahang Rimau,
85000 Segamat, Johor.

RAMLI YANG JUJUR

Cerita Bergambar

Dicetak oleh Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731–D) 2-3 Jalan 3/32A, Kepong, 52000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-6272248 Fax : 6279478